

BUKU PANDUAN



Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak



CETAKAN 2016

# KANDUNGAN

## A. MAKLUMAT KORPORAT MASNITA

• MASNITA Sepintas Lalu	1
• Visi & Misi	1
• Logo	2-3
• Peranan	4
• Carta Organisasi	5

## B. TERMA DAN SYARAT KEAHLIAN

• Kelayakan Menjadi Ahli	6
• Jenis Ahli	6
• Kaedah Perlantikan Ahli	7
• Hak Ahli	7
• Tanggungjawab Ahli	8
• Pemberhentian dan Pemecatan Ahli	9
• Yuran	10

## C. FAEDAH MENJADI AHLI

• Kepentingan Ahli	11
• Pembangunan Ahli	12

# PENDAHULUAN

Semenjak ianya ditubuhkan pada 07 Februari 2001, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak ataupun lebih dikenali dengan panggilan MASNITA, merupakan sebuah persatuan yang mewakili staf wanita dan isteri staf yang bertugas di UNIMAS.

MASNITA percaya bahawa ahli MASNITA yang memainkan pelbagai peranan secara serentak iaitu sebagai ibu , pengurus rumah tangga, pekerja, ketua jabatan dan sebagainya turut mampu untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan komuniti.

Justeru itu, MASNITA sentiasa mengalakkan ahlinya untuk menjadi ejen perubahan yang prihatin dan berkesan dalam pembentukkan satu komuniti yang menitikberatkan nilai akhlak dan moral yang tinggi.

Buku Panduan ini disusun bagi menerangkan secara terperinci mengenai MASNITA untuk rujukan para ahli dan bakal ahli.

Sekian

## A. MAKLUMAT KORPORAT MASNITA

### MASNITA Sepintas Lalu

MASNITA telah ditubuh dan beroperasi pada Februari 2001 dengan No. Pendaftaran : 474. Sijil pendaftaran telah ditandatangani oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan pada 13 Mac 2003, dan diterima melalui surat bertarikh 29 April 2003.

#### VISI

Wanita cemerlang ke arah kesejahteraan keluarga, universiti dan negara.

#### MISI

Memartabatkan wanita ke arah modal insan cemerlang melalui aktiviti sosial dan ilmiah untuk pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.

## LOGO



Warna merah, biru dan kuning menjadi asas kegemilangan MASNITA. Ini kerana warna ini juga merupakan warna asas dalam penghasilan warna lain. Demikian juga, peranan MASNITA di dalam pembangunan wanita. Selain dari itu, warna ini juga merupakan warna yang terdapat pada logo Unimas, sebuah institusi pengajian tinggi yang menjadi tulang belakang penubuhannya.

## **Biru**

Muafakat dan bekerjasama berpasukan dan meletakkan kejayaan MASNITA sebagai satu keutamaan.

## **Kuning**

Kemurnian hasrat dan wawasan yang hendak dicapai oleh MASNITA sebagai sebuah persatuan wanita yang cemerlang dan progresif di dalam pembangunan wanita.

## **Merah**

Kegigihan dan daya juang MASNITA menghadapi cabaran dalam mengerakkan segala projek, program dan aktiviti yang dijalankan.


## **Huruf I**

Dibentuk menyerupai pokok melambangkan pertumbuhan MASNITA dalam mencapai matlamat penubuhannya. Corak pucuk midin dipilih melambangkan keunikan MASNITA dan UNIMAS yang bernaung di negeri Sarawak.

## PERANAN

- ◆ Menjadi satu badan yang mewakili staf wanita dan isteri staf yang bertugas dengan UNIMAS.
- ◆ Menjadi badan perundingan untuk kepentingan ahli.
- ◆ Menyebarluaskan penerangan dan maklumat mengenai kegiatan dan hal yang ada kaitan dengan kepentingan ahli.
- ◆ Menganjur dan menggalakkan minat untuk pembangunan rohani, jasmani, ekonomi dan sosial ahli.
- ◆ Berkerjasama rapat dengan pihak berkuasa UNIMAS dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan ahli.
- ◆ Memelihara konsep, dasar dan matlamat UNIMAS.
- ◆ Memberi sumbangan untuk perkembangan dan kemajuan UNIMAS pada keseluruhannya.
- ◆ Bekerjasama dengan pertubuhan lain yang sesuai dengan matlamat Persatuan
- ◆ Membantu UNIMAS dalam menyokong keseimbangan kerja-hidupan staf melalui penglibatan MASNITA dalam operasi perkhidmatan asuhan/jagaan kanak-kanak dan jagaan warga tua.

# CARTA ORGANISASI MASNITA



## **B. TERMA DAN SYARAT KEAHLIAN**

### **1. Kelayakan Menjadi Ahli**

Keahlian Persatuan ini adalah terbuka kepada semua staf wanita dan isteri staf UNIMAS.

### **2. Jenis Ahli**

#### **2.1 Ahli Biasa**

Seseorang staf wanita atau isteri staf layak menjadi Ahli Biasa Persatuan sekiranya memenuhi syarat berikut:

- a) Warganegara Malaysia
- b) Membayar yuran masuk dan yuran keahlian
- c) Berkhidmat atau suaminya berkhidmat dengan UNIMAS

#### **2.2 Ahli Bersekutu**

Staf wanita atau isteri staf UNIMAS yang memohon menjadi ahli tetapi:

- a) Bukan Warganegara Malaysia dan perkhidmatannya atau perkhidmatan suaminya dipinjamkan ke Universiti.
- b) Membayar yuran keahlian dan yuran masuk.

## **2.3 Ahli Kehormat**

**Ahli Kehormat** ialah mereka yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa kerja untuk menjadi ahli tanpa bayaran.

## **2.4 Keahlian Seumur Hidup**

**Keahlian Seumur Hidup** adalah terbuka kepada ahli-ahli biasa.

## **3. Kaedah Perlantikan Ahli**

Permohonan menjadi ahli hendaklah melalui borang yang disediakan dan diserahkan kepada Setiausaha Kehormat Jawatankuasa Kerja berkuasa meluluskan atau menolak sebarang permohonan menjadi ahli tanpa perlu memberikan sebarang sebab.

## **4. Hak Ahli**

**4.1 Ahli biasa berhak bercakap, mencadang, menyokong dan mengundi dan dicalonkan sebagai ahli Jawatankuasa Kerja.**

**4.2 Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu berhak bercakap, mencadang, menyokong dan mengundi, tetapi tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Kerja. Walau bagaimanapun, Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu, atas budibicara Jawatankuasa Kerja, boleh dilantik untuk menjadi ahli jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Kerja.**

## **5. Tanggungjawab Ahli**

**5.1 Adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli:**

- a) Memastikan yurannya dijelaskan dan mendapat resit rasmi pembayarannya itu**
- b) Memberitahu Setiausaha Kehormat dengan segera apabila berpindah atau bertukar tempat kerja.**
- c) Menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan**
- d) Menghormati dan patuh kepada undang-undang Persatuandan juga keputusan Mesyuarat Agong.**

**5.2 Hanya Yang Dipertua atau ahli Jawatankuasa Kerja dengan persetujuan Yang Dipertua dibenarkan membuat kenyataan rasmi mengenai Persatuan.**

## **6. Pemberhentian dan Pemecatan Ahli**

### **6.1 Berhenti Menjadi Ahli**

- a) Ahli yang hendak berhenti dari Persatuan hendaklah memberi notis sekurang-kurangnya sebulan secara bersurat kepada Setiausaha Kehormat dan hendaklah menjelaskan hutang dan yurannya.**
- b) Keahlian gugur dengan sendirinya jika ia berhenti membayar yuran selama 6 bulan berturut-turut atau jika ia atau suaminya tidak lagi menjadi staf UNIMAS.**
- c) Keahlian tidak akan terhenti sekiranya ahli yang akan bercuti seperti yang ditakrifkan di dalam Perlembagaan MASNITA Fasal 13(10), dengan syarat memberikan notis pemberitahuan kepada Setiausaha Kehormat. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah di atas budi bicara mutlak Jawatankuasa Kerja. Kegagalan memberikan notis tidak akan memprejudiskan hak Jawatankuasa Kerja MASNITA untuk memberhentikan keahliannya, samada digantung sementara, atau dihentikan secara kekal/digugurkan secara kekal.**
- d) Keahlian boleh digugurkan oleh Jawatankuasa Kerja jika ahli, sebagai seorang staf UNIMAS didapati sedang dan atau telah dikenakan sebarang hukuman tatatertib dan atau bentuk hukuman lain di bawah mana-mana**

undang-undang, peraturan, kaedah dan tatacara yang digunakan di UNIMAS.

- e) Keahlian boleh digugurkan oleh Jawatankuasa Kerja jika ahli bukan staf UNIMAS didapati melanggar mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia dan Seksyen 9A Akta Pertubuhan, 1966.

## 7. Yuran

Semua ahli dikenakan membayar yuran masuk sebanyak RM2.00 semasa mengemukakan borang permohonan.

- a) Yuran keahlian adalah seperti berikut:  
RM 2.00 sebulan (secara potongan gaji) atau RM 24.00 setahun
- b) Yuran Keahlian Seumur Hidup adalah seperti berikut:  
Staf Kategori A dan B : RM250.00  
Staf Kategori C dan D : RM150.00

Yuran-yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang ditentukan boleh dijalankan dengan persetujuan majoriti mesyuarat Jawatankuasa Kerja. Sekiranya ada ahli yang tidak membayar wang yuran tersebut di dalam masa yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

## C. FAEDAH MENJADI AHLI

Kepentingan Ahli dijaga melalui:

- a) Khairat kematian untuk ahli/suami ahli yang meninggal dunia:  
-Sumbangan RM200 diberikan kepada ahlu atau keluarga ahli
- b) Keraian kepada ahli yang berpencen atau berhenti dari UNIMA  
-Ahli diberikan token sahaja berjumlah RM100.00
- c) Saguhati anak-anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan dengan skor minima:
  - 1) 4A UPSR atau setaraf = RM50.00
  - 2) 6A PT3 atau setaraf = RM70.00
  - 3) 7A SPM atau setaraf = RM90.00

**Nota:** Adalah menjadi tanggungjawab ahli untuk memaklumkan maklumat tersebut kepada Jawatankuasa Kerja MASNITA.

Syarat di atas akan berubah dari masa ke semasa

## Pembangunan Ahli

**Setiap ahli akan menerima maklumat terkini mengenai MASNITA seperti aktiviti-aktiviti MASNITA termasuk jemputan dan miniMesyuarat Agong Tahunan MASNITA, Perlembagaan MASNITA serta Pindaan (Jika ada) melalui saluran penyampaian maklumat seperti emel, laman WEB MASNITA dan Facebook MASNITA.**

**MASNITA menggalakkan ahli bergiat aktif dalam pembangunan rohani, jasmani, ekonomi, pendidikan dan sosial melalui penyer taan dan sumbangan tenaga dalam:**

- a) Bengkel/seminar
- b) Program-program kemajuan diri
- c) Lawatan sosial
- d) Lawatan sambil belajar
- e) Kerja-kerja kebajikan, sukarela dan kemasyarakatan

## Sinar MASNITA

Bagai sinar mentari  
Menerangi alam  
Bagai pepohonan  
Subur memayungi  
Tempatmu berteduh

Tulus suci dan murni  
Menaburi jasa  
Bertekad dihati  
Bersama berbakti  
Sehati sejiwa

Tegas progresif inovatif  
Menghadapi cabaran  
Tabah menyusuri rintangan  
MASNITA bersedia  
Itu sumpah setia kami  
MASNITA yang tercinta  
Suka duka sama dirasa  
MASNITA UNIMAS

*Lirik dan lagu oleh:  
Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman*

# **Hubungi Kami**

**Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak  
(MASNITA)**

Pejabat Naib Cancellor  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia

Tel: +60 82-665101  
Fax: +60 82-665111

Lawati kami di web :[www.masnita.unimas.my](http://www.masnita.unimas.my)



MASNITA UNIMAS





[www.masnita.unimas.my](http://www.masnita.unimas.my)

*Designed and Printed by :*  
LEE MING PRESS SDN BHD